

SOALAN NO: 359

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR MOHD HATTA BIN MD RAMLI
[KUALA KRAI]
TARIKH :
SOALAN : 359**

YB Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah pusat dialisis awam dan swasta dan jumlah pesakit yang di dialisis serta bagaimanakah Kerajaan merancang taburan pusat-pusat dialisis ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan (Kementerian) bertanggungjawab mengawal dan mengawalselia pusat hemodialisis yang dikendalikan oleh pihak swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan keselamatan dan rawatan yang berkualiti untuk pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis.

Kementerian juga amat menyedari jumlah pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis semakin meningkat setiap tahun. Malah merujuk kepada *22nd Report of The Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2014*, sehingga 31 Disember 2014 jumlah pesakit yang menjalani

rawatan hemodialisis adalah sebanyak 31,497 orang dengan purata peningkatan sebanyak 2000 orang pesakit pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian, sehingga 15 Jun 2017, telah terdapat sebanyak 615 buah pusat hemodialisis swasta termasuk yang disediakan oleh NGO. Secara dasarnya, Kementerian tidak terlibat secara langsung untuk merancang taburan pusat hemodialisis swasta atau NGO. Walau bagaimanapun, Kementerian mempunyai kawalan dan kawalseliaan terhadap penubuhan dan pengoperasian pusat hemodialisis yang ingin disediakan oleh pihak swasta/NGO selaras dengan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturannya.

Antara keperluan yang diambil kira dalam memberi kelulusan kepada penubuhan dan pengoperasian sesebuah pusat hemodialisis swasta/NGO adalah –

- (a) Memastikan lokasi yang dipilih untuk penubuhan pusat hemodialisis adalah bersesuaian;
- (b) Mengemukakan permohonan yang lengkap bersama dokumen dan pelan lantai yang mematuhi;
- (c) Menyediakan dan mematuhi keperluan asas pelesenan yang lain termasuk menyediakan doktor *incharge* yang berkelayakan, pakar nefrologi pelawat dan staf kejururawatan dengan latihan pos basik renal yang mencukupi bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang selamat dan berkualiti; dan
- (d) Memastikan pusat hemodialisis yang disediakan sentiasa mempunyai lesen yang sah sepanjang operasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat mementingkan keselamatan dan kualiti rawatan terhadap pesakit. Sehubungan itu, Kementerian menyeru supaya pihak swasta/NGO yang berhasrat menyediakan perkhidmatan hemodialisis supaya sentiasa mematuhi keperluan perundangan dan peraturan-peraturan. Kementerian akan memantau bagi memastikan pusat-pusat hemodialisis yang berkaitan menyediakan perkhidmatan hemodialisis yang selamat.